

Ucapan 2010  
445  
68/80

UCHAPAN YANG BERHORMAT MENTERI  
PELAJARAN ENCHE HUSSEIN ONN DI-  
UPACHARA PENUTUP KEJOHANAN OLAH-  
RAGA SEKOLAH2 MALAYSIA PADA  
28hb. JULAI, 1971

---

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,  
Tun Abdul Razak, tetamu2 kehormat, tuan2 dan puan2  
sekelian. Sa-bagai Yang Di-Pertua Majlis Sukan  
Sekolah2 Malaysia dan bagi pihak semua Majlis  
Sukan Sekolah2 Negeri, dengan seberapa sukachita-nya,  
saya mengucapkan terima kaseh atas kehadiran tuan2  
dan puan2 sekelian pada hari ini untuk menyaksikan  
hari terakhir Kejohanan Olahraga Sekolah2 Malaysia  
1971.

*tiga*

Dalam masa ~~empat~~ *tiga* hari yang lepas, ahli2  
Olahraga Sekolah2 Malaysia yang handal, dari kesemua  
tiga belas buah negeri di-Malaysia ini, telah bertanding  
di-antara rakan2 seperjuangan mereka sendiri, bagi  
kehormatan negeri masing2 dan untuk menegakkan

kemuliaan sukan. Mereka telah menchapai kejayaan<sup>2</sup> yang chemerlang, tetapi apa yang lebeh penting lagi ia-lah semangat pertandingan dan kesukanan yang baik yang telah mereka tunjokkan.

Pada hari ini, ada banyak pengetahuan sains untok membimbing kita ka-arrah kesihatan yang baik dan kesegaran jasmani. Tanggong-jawab mewujudkan kesegaran jasmani kesemua belia kita, ia-lah suatu perkara dasar kebangsaan dan tidak ada tempat yang paling sesuai lagi untok memulakan-nya selain daripada sekolah. Kebiasaan kesihatan orang<sup>2</sup> dewasa mungkin sukar hendak di-ubah, tetapi kita mesti-lah mengambil langkah<sup>2</sup> positif mendidik belia<sup>2</sup> kita betapa perlu-nya memperkembangkan kebiasaan<sup>2</sup> kesihatan yang berfaedah, yang akan memelihara kesegaran jasmani mereka dan menolong mereka menchapai keupayaan mereka sepenoh-nya.

Pelajaran Kesihatan dan pelajaran jasmani, ada-lah menjadi bahagian yang integral dalam bidang-pelajaran sekolah. Kedua2 perkara ini mempunyai hubungan rapat, dan menolong melengkapi dan menambah antara satu dengan lain dalam mewujudkan kesegaran jasmani dan kesihatan kanak2. Saya yakin bahawa rancangan kesegaran jasmani yang sedang di-laksanakan di-sekolah2 bukan sahaja akan mewujudkan peringkat kesegaran jasmani yang lebih tinggi di-kalangan murid2 sekolah kita, tetapi juga menolong menanamkan sikap2 yang betul dalam peserta2 ka-arrah kesihatan yang lebih baik dan kesedaran betapa perlu-nya penyertaan dalam aktiviti2 untuk menchapai kesegaran jasmani.

Lebih banyak lagi perhatian sedang di-tumpukan oleh Kementerian saya terhadap rancangan2 latehan dalam sukan di-peringkat sekolah, daerah, negeri dan peringkat kebangsaan. Sukachita saya

nyatakan di-sini bahawa Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah2 Negeri, telah memulakan kursus2 bagi guru2 dengan tujuan untok mengeluarkan bilangan jurulateh2 yang menchukupi dalam pelbagai permainan, untok berkhidmat di-peringkat sekolah dan di-peringkat negeri. Saya suka memberi pujian kapada Pertubohan2 Sukan Kebangsaan, saperti Persatuan Badminton Malaysia dan Persatuan Bolasepak Malaysia, yang telah mengelola dan menjalankan kursus2 bagi guru2 bersama dengan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia untok membolehkan peserta2 ini memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang lengkap tentang permainan2 yang berkenaan supaya mereka boleh memberi pimpinan yang sepenoh-nya dalam mengelolakan kursus2 yang sama di-peringkat sekolah2 dan negeri2.

Bagi pehak Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia, semua Majlis Sukan Sekolah2 Negeri dan semua peserta2, saya menguchapkan terima kaseh kapada Sharikat Minyak

Caltex Malaysia Berhad kerana sudi menganjorkan kejohanan olahraga Sekolah2 Malaysia ini.

Saya mengucapkan terima kaseh kepada semua pegawai2 Majlis Sukan Sekolah2 Selangor kerana menguruskan Kejohanan Olahraga Sekolah2 Malaysia 1971 bagi pihak Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia, dan kerana dedikasi serta perkhidmatan mereka dalam menjayakan Kejohanan itu. Saya juga ingin mengucapkan terima kaseh kepada semua orang persaorangan dan pertubohan, atas sumbangan mereka, dari apa segi jua pun, agar Kejohanan ini tinggal dalam kenangan buat selama-lama-nya.

Minggu lalu, Y.A.B. Perdana Menteri, mengumumkan bahawa Kerajaan telah melantek guru2 besar daripada sekolah2 bantuan penuh di-seluruh negeri, untuk berkhidmat sebagai penerima2 pengaduan. Mengenai pengaduan ini, seperti mana kita ketahui bahawa Kerajaan ~~Malaysia~~ baru2 ini, telah menubuhkan satu badan yang di-

panggil "Biro Pengaduan Awam" di-bawah Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Pelajaran telah menghantar pada guru2 besar borang2 pengaduan dan saya harap guru2 besar kita akan memberikan kerjasama kepada raayat apabila mereka membuat aduan.


Usaha yang guru2 besar jalankan, sebagai penerima2 pengaduan ini, amat-lah di-hargai oleh Kerajaan kerana memandangkan guru2, termasuk-lah guru2 besar, ialah golongan intelektual di-tempat masing2, maka sudah sewajar-nya selain daripada wakil2 raayat — Parlimen dan Negeri, pegawai2 daerah, dato'2 penghulu, guru2 besar juga di-lantek sebagai penerima2 pengaduan. Dengan ada-nya usaha ini, saya perchaya perkara ini akan berjalan dengan lincin dan satu tindakan pen-tadbiran dapat di-ambil oleh Kerajaan untok mengatasi kesulitan2 yang di-hadapi oleh orang ramai.

Anggap-lah usaha ini sebagai satu sumbangan guru2 besar dan guru2 pada kemajuan masharakat setempat.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada semua ahli olahraga yang mengambil bahagian dalam Kejohanan ini atas keberanian, azam dan semangat kesukanan, yang telah mereka tunjukkan ia-itu sejajar dengan tujuan2 Sukan Olimpik.

Dan sekarang dengan segala hormat-nya saya menjemput Y.A. Berhormat Perdana Menteri kita Tun Abdul Razak untok memberi sepatah dua kata.

Kementerian Pelajaran,  
Kuala Lumpur.



Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli olahraga yang mengambil bahagian dalam Kejuaraan ini atas keberanian, semangat dan semangat kesukanan yang telah mereka tunjukkan ia-itu sejajar dengan tujuan Sukan Olimpik.

Dan sekarang dengan segala hormat-nya saya menjemput Y.A. Berhormat Perdana Menteri kita Tun Abdul Razak untuk memberi sebarang dua kata.

Kementerian Pelajaran,  
Kuala Lumpur.



No. Siri	46
No. Penerimaan	46/80